

Pengganggu ugut bunuh abang ipar dipenjara 10 bulan

KUCHING: Perbuatan seorang pengganggu lelaki yang mengugut bunuh abang iparnya pada April 2024 membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara 10 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Ling Hui Chuan memerintahkan hukuman penjara bagi Muhammad Norazlan

Zainudin, 36, untuk dikuatkuasakan mulai hari ini.

Tertuduh mengaku bersalah mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya terhadap mangsa

lelaki berusia 38 tahun sekitar jam 8.30 pagi pada 21 April 2024 di sebuah rumah di Kampung Nombor 3 di sini.

Berdasarkan keterangan kes, berlaku perselisihan faham antara mangsa dan tertuduh pada hari kejadian, sebelum tertuduh bertindak mengambil pisau serta mengugut bunuh mangsa.

Khuatir akan keselamatan diri, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada keesokan harinya (22 April 2024) sekitar jam 1 petang.

Turut dirampas ialah sebilah pisau yang kemudiannya dikenal pasti oleh mangsa sebagai senjata digunakan oleh tertuduh semasa kejadian.

Hasil siasatan polis mendapati tertuduh telah menakutkan pengadusecara lisan dengan menggunakan ayat dalam dialek Melayu Sarawak iaitu 'kau ku bunoh kelak'.

Ketika berkata demikian, tertuduh turut menunjukkan sebilah pisau di hadapan mangsa.

Difahamkan, semasa ke-

jadian berlaku, tertuduh naik angin setelah disoal mangsa mengenai wang milik ibu mangsa yang dikatakan digunakan oleh tertuduh untuk membeli dadah.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin.